

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 ( 39 )

27 Julai 2021  
18 Zulhijjah 1442

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 35/2021

### **PENAMBAHBAIKAN DEKLARASI / PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN DALAM KALANGAN WARGA UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 24/2018 pada 14 November 2018 telah meluluskan Deklarasi/Pengisytiharan Kepentingan di UTM. Pemakaian deklarasinya telah digunakan melalui mesyuarat-mesyuarat di semua peringkat dalaman UTM sejak ia mula dikuatkuasakan.

2. Bagi tujuan penambahbaikan kepada pemakaian Deklarasi/Pengisytiharan Kepentingan dan tujuan pemantapan kepada tadbir urus Universiti, Prosedur Penggunaan Telefon Bimbit atau Alat-Alat Komunikasi Lain Dalam Pengurusan Mesyuarat Universiti melalui Pekeliling Pentadbiran Bil. 30/ 2020 telah diperkenalkan untuk memastikan perjalanan mesyuarat di peringkat Universiti adalah selaras dengan Arahan Keselamatan daripada Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan. Prosedur ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 30/2020 pada 3 Februari 2020 dan seterusnya di peringkat Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti il. 107 bertarikh 13 Mei 2020.

3. Inisiatif ini juga selaras dengan pematuhan kepada Kod Etika Profesional yang bertujuan memastikan semua staf mengamalkan integriti lebih daripada kepentingan peribadi, menanamkan sifat kerja positif dan bertanggungjawab serta amanah di dalam pekerjaan seterusnya dapat meningkatkan kualiti kerja.

4. Justeru itu, penambahbaikan telah dibuat kepada **Lampiran 1, Deklarasi/Pengisytiharan Kepentingan** dengan memasukkan elemen pematuhan kepada Arahan Keselamatan tersebut.

5. Walau bagaimanapun, Pekeliling Pentadbiran Bil. 2/2019 berkenaan Deklarasi/Pengisytiharan Kepentingan Dalam Kalangan Warga Universiti Teknologi Malaysia masih lagi terpakai, kecuali terdapat perubahan terkini pada **Lampiran 1** seperti di lampiran.

6. Sehubungan dengan itu, semua staf Universiti hendaklah mengambil tindakan dan perhatian lanjut mengenai tadbir urus pelaksanaan deklarasi/pengisytiharan kepentingan di Universiti Teknologi Malaysia dan sebarang rujukan boleh dibuat kepada Unit Integriti, Pejabat Penasihat Undang-Undang UTM, Jabatan Canseleri melalui talian tetap pejabat 07-5530449 atau e-mel ke [integriti@utm.my](mailto:integriti@utm.my) atau Bahagian Pengurusan Organisasi, Jabatan Pendaftar melalui talian tetap pejabat 07-5530145 atau e-mel ke [jabatanpendaftar@utm.my](mailto:jabatanpendaftar@utm.my).

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**“Prihatin Rakyat: Darurat Memerangi COVID-19”**

**“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ABDUL RAZIB BIN HJ. SHAHUDDIN)**

Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
  - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
  - Pengarah Pusat Penyelidikan – UTM Pagoh
  - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

## PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN <NAMA MESYUARAT>

Sebagai Pengerusi dan ahli (termasuk setiausaha dan ahli turut hadir) Mesyuarat <NAMA MESYUARAT>, dengan ini kami membuat pengisytiharan seperti berikut:

- i. Bertanggungjawab untuk mengisytiharkan, apa-apa kepentingan yang berkaitan dengan diri kami, sama ada secara langsung atau secara tidak langsung di dalam apa jua perkara yang dibincangkan di dalam mesyuarat;
- ii. Tidak akan melibatkan diri di dalam apa-apa perkara, di mana kami mempunyai kepentingan secara langsung atau tidak langsung;
- iii. Mengutamakan dan menjaga tanggungjawab kerahsiaan mesyuarat dan tidak akan memberitahu atau membuat apa-apa kenyataan atau memaklumkan maklumat dari dalam mesyuarat ini kepada mana-mana pihak luar yang tidak berkaitan.
- iv. Tidak menyebarkan luas maklumat Rahsia Rasmi mesyuarat melalui penggunaan telefon bimbit dan alat-alat komunikasi lain seperti yang telah digariskan di dalam Prosedur Penggunaan Telefon Bimbit atau Lain-lain Peralatan Komunikasi dalam Pengurusan Mesyuarat Universiti selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88].

### **NOTA:**

1. *Pengisytiharan Kepentingan ini akan dibacakan **atau dibaca secara** bersama oleh Pengerusi kepada semua ahli mesyuarat, setiap kali permulaan mesyuarat, boleh dipaparkan melalui slaid/edaran kepada semua ahli mesyuarat (mana-mana yang bersesuaian).*
2. *Setiausaha perlu mencatatkan di Minit Mesyuarat bahawa Pengisytiharan Kepentingan ini telah dibaca oleh Pengerusi **atau dibaca secara** bersama dan difahami oleh semua ahli pada Minit Mesyuarat yang berkenaan.*

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 ( 39 )

27 July 2021  
18 Zulhijjah 1442

## ADMINISTRATIVE CIRCULAR NO. 35/2021

### IMPROVEMENT OF DECLARATION / DECLARATION OF INTEREST AMONG THE CITIZENS OF UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

It is informed that the University Management Committee Meeting No. 24/2018 on 14 November 2018 has approved the Declaration/Declaration of Interest in UTM. The application of this declaration has been used through meetings at all internal levels of UTM since its enforcement.

2. For the purpose of improving the application of the Declaration/Declaration of Interest and the purpose of strengthening the governance of the University, Procedures for the Use of Mobile Phones or Other Communication Devices in the Management of University Meetings through Administrative Circular No. 30/2020 has been introduced to ensure that the conduct of meetings at the University level is in line with the Security Directive from the Director General of Government Security. This procedure has been approved by the University Management Committee No. 30/2020 on 3 February 2020 onwards at the University Board Meeting level il. 107 dated 13 May 2020.

3. This initiative is also in line with adherence to the Code of Professional Ethics which aims to ensure that all staff practice integrity more than personal interests, instill positive and responsible work ethic and trust in the job which in turn can improve the quality of work.

4. Therefore, improvements have been made to **Appendix 1, Declaration/Declaration of Interest** by including compliance elements to the Security Directive.

5. However, Administrative Circular No. 2/2019 regarding the Declaration/ Declaration of Interest Among the Citizens of Universiti Teknologi Malaysia is still applicable, unless there are recent changes made on **Appendix 1** as attached.

6. In this regard, all University staff must take further action and attention on the governance of the implementation of the declaration/declaration of interest in Universiti Teknologi Malaysia and any reference can be made to the Integrity Unit, UTM Legal Advisory Office, Chancellery Department via office landline 07-5530449 or e-mail to [integriti@utm.my](mailto:integriti@utm.my) or Organization Management Division, Registrar's Department via the office landline 07-5530145 or e-mail to [jabatanpendaftar@utm.my](mailto:jabatanpendaftar@utm.my).

Thank you.

**“Prihatin Rakyat: Darurat Memerangi COVID-19”**

**“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”**

I, who uphold trust,



**(ABDUL RAZIB BIN HJ. SHAHUDDIN)**

Registrar

- c.c. - Vice-Chancellor
- Deputy Vice-Chancellor (Development)
  - Deputy Vice-Chancellor (Research and Innovation)
  - Deputy Vice-Chancellor (Academic and International)
  - Deputy Vice-Chancellor (Student Affairs)
  - Pro-Vice-Chancellor (UTM Kuala Lumpur Campus)
  - Director of Research Centre - UTM Pagoh
  - Senior Officers/Dean/Director

## DECLARATION OF INTEREST <MEETING TITLE>

As Chairman and members (including secretary and members present) of the Meeting <MEETING TITLE>, hereby make the following declaration:

- i. Responsible for declaring, any interests relating to ourselves, either directly or indirectly in any matter discussed in the meeting;
- ii. Will not engage in any matter, in which we have a direct or indirect interest;
- iii. Prioritize and maintain the confidentiality of the meeting and will not notify or make any statement or disclose information from within this meeting to any unrelated external parties; and
- iv. Not to disseminate Official Secret information of meetings through the use of mobile phones and other communication devices as outlined in the Procedure for the Use of Mobile Phones or Other Communication Equipment in the Management of University Meetings in accordance with the Official Secrets Act 1972 [Act 88].

**NOTE:**

1. *This Declaration of Interest will be **read or read together** by the Chairman to all members of the meeting, each time the meeting commences, can be displayed via slides/distribution to all members of the meeting (whichever is appropriate).*
2. *The Secretary must record in the Minutes of the Meeting that this Declaration of Interest **has been read** by the Chairman or read jointly and understood by all members in the relevant Minutes of the Meeting.*